PROMOSI TAP UNTUK KEMBARA HLB CONNECT 2026 (English Version)

Kemas Kini Terakhir 21 September 2026

TEMPOH PROMOSI

"**Promosi Tap untuk Kembara HLB Connect 2026**" ("**Promosi**") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLB Islamic**") ("selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 21 September 2026 dan berakhir pada 20 November 2026 ("**Tempoh Promosi**"), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ("**T&S**"):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka untuk pelanggan individu yang merupakan pengguna HLB Connect baharu dan sedia ("**HLB Connect**") dan memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB ("**CASA/CASA-i**") HLB Meezani Akaun-i dan/atau Kad Kredit HLB ("**Kad Kredit**") (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan**").

2. Pelanggan berikut boleh menyertai Promosi ini tetapi **TIDAK** layak memenangi Hadiah dalam Promosi ini:
   (a) Pemenang hadiah daripada promosi HLB Connect sebelum ini tersenarai seperti dibawah:
      (i) Promosi Akhir Tahun 2025 HLB Connect: Pemenang Connect Champion dan Pemenang Champion Harian; dan
      (ii) Promosi Tahun Baru Cina HLB Connect 2026: Pemenang Hadiah Pertama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga, Hadiah Keempat dan Hadiah Saguhati; dan
      (iii) Promosi Ramadan dan Raya HLB Connect 2026: Pemenang Hadiah Pertama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga
   (b) Kakitangan tetap, kontrak dan/atau sementara atau pekerja Bank ini yang terlibat secara langsung **TIDAK** layak memenangi Hadiah.

3. Pihak Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
   (a) pernah melakukan, sama ada pada masa lalu atau semasa Tempoh Promosi, atau jika pihak Bank mempunyai alas an yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana tansaksi mungkin melibatkan sebarang perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah laku berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank.
   (b) menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
   (c) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASA-i, Akaun Meezani-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect ("**Terma dan Syarat yang Terpakai**") pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

4. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:

(a) mendaftar untuk HLB Connect, melakukan aktiviti yang layak ("**Aktiviti yang Layak**") dan/atau transaksi yang layak ("**Transaksi yang Layak**") dan memperoleh mata ("**Connect Points**") seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1A dan Jadual 1B di bawah; (hanya terpakai bagi pengguna baharu HLB Connect); ATAU

(b) log masuk HLB Connect, melakukan Aktiviti yang Layak dan Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1A dan Jadual 1B di bawah dan memperoleh Connect Points (hanya terpakai bagi pengguna sedia ada HLB Connect).

(Pelanggan yang telah memenuhi keperluan berkaitan syarat yang dinyatakan di bawah Klausa 3 di atas selepas ini akan dirujuk sebagai "Pelanggan yang Layak").

5. Pelanggan yang Layak yang memenuhi mana-mana satu daripada syarat yang ditetapkan di bawah Klausa 4 akan menerima Connect Points di dalam Tempoh Promosi seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1A dan Jadual 1B dan akan layak dipertimbangkan untuk memenangi senarai hadiah ("Hadiah") di dalam Jadual 2A dan Jadual 2B.

Jadual 1A: Peruntukan Connect Points bagi Aktiviti yang Layak

Aktiviti yang Layak	Connect Point untuk setiap Aktiviti yang Layak berjaya	Maksimum Connect Points Harian	Maksimum Connect Points Sepanjang Tempoh Promosi
Nota 1 **Buka Akaun CASA/CASA-i yang Layak secara dalam talian ("CASA/CASA-i Layak")** dan log masuk ke HLB Connect sekurang-kurangnya sekali sepanjang Tempoh Promosi. Nota 2 Bagi tujuan Aktiviti yang Layak ini, Akaun CASA/CASA-i yang Layak adalah terhad kepada Akaun HLB Pay&Save/-i dan HLB Wallet/-i untuk individu, dan Akaun Pay&Save/-i dan Akaun Semasa/-i untuk pemilikan peniaga tunggal.	500	500	500
Nota 1 **Rujuk rakan dan keluarga untuk berjaya membuka Akaun Bank Dalam Talian** ("**eCASA/eCASA-i**") melalui HLB Connect App dalam Tempoh Promosi. Perujuk akan memperoleh 200 Connect Points bagi setiap rujukan berjaya.	200	6,000	6,000

Nota 1 **Pelanggan yang dirujuk ("Penerima Rujukan") akan memperoleh 100 Connect Points bagi setiap baki akhir bulan sebanyak RM100 yang dikekalkan dalam akaun eCASA/eCASA-I mereka pada 30 September 2026 dan 31 Oktober 2026,** dengan syarat mereka berjaya membuka CASA/CASA-i Layak, dalam Tempoh Promosi.	100	10,000	10,000

Nota1 Connect Points yang diterima daripada transaksi berjaya ini **TIDAK** akan dipaparkan dalam halaman Connect Points Tracker anda. Connect Points ini hanya akan dimasukkan dalam pengiraan jumlah keseluruhan Connect Points anda oleh pihak Bank pada akhir Tempoh Promosi.

6. Bagi tujuan aktiviti rujukan CASA/eCASA-i Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1A di atas, Pelanggan yang Dirujuk hendaklah:
   (a) berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas; dan/atau
   (b) merupakan pemilik perniagaan tunggal.

Jadual 1B: Peruntukan Connect Points bagi Transaksi yang Layak

Transaksi yang Layak	Connect Point untuk setiap Aktiviti yang Layak berjaya	Maksimum Connect Points Harian	Maksimum Connect Points Sepanjang Tempoh Promosi
Nota 1 **Lakukan pindahan DuitNow ke Akaun ("P2A")** Min. RM10 bagi setiap pindahan melalui HLB Connect	5	60	3,660
Lakukan Pembayaran DuitNow QR ("P2P QR") ke rakan dan keluarga Min. RM10 bagi setiap pembayaran melalui HLB Connect App	5	60	3,660
Lakukan Pindahan DuitNow ke Proksi ("P2P") ke Nombor Telefon Bimbit/NRIC/Passport/Nombor Pendaftaran Perniagaan Min. RM10 bagi setiap pembayaran melalui HLB Connect	5	60	3,660
Lakukan pembayaran DuitNow QR ke peniaga tempatan ("POS QR") menggunakan Akaun CASA/CASA-i atau Akaun HLB Meezani-i. Min. RM10 bagi setiap pembayaran melalui HLB Connect App	30	150	9,150

Lakukan pembayaran DuitNow QR ke peniaga tempatan (“**POS QR**”) **menggunakan Kad Kredit** Min. RM10 bagi setiap pembayaran melalui HLB Connect App	30	150	9,150
Lakukan pembayaran QR ke Weixin Pay atau Union Pay Min. CNY18 bagi setiap pembayaran melalui Connect App	20	60	3,660
Lakukan Pindahan Luar Negara Min. RM1,000 bagi setiap pindahan melalui HLB Connect	20	60	3,660
Lakukan pembayaran menggunakan FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets menggunakan Akaun CASA/CASA-i atau Akaun HLB Meezani-i. Min. RM10 bagi setiap pembayaran melalui HLB Connect Online	20	100	6,100
Lakukan pembayaran menggunakan FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets menggunakan Kad Kredit. Min. RM10 bagi setiap pembayaran melalui HLB Connect Online	20	100	6,100
Lakukan pembayaran bil menggunakan Akaun CASA/CASA-i atau Akaun HLB Meezani-i. Min. RM10 bagi setiap pembayaran melalui HLB Connect	20	100	6,100
Lakukan pembayaran bil menggunakan Kad Kredit. Min. RM10 bagi setiap pembayaran melalui HLB Connect	20	100	6,100
Lakukan Tambah Nilai Prabayar Min. RM10 bagi setiap tambah nilai melalui HLB Connect menggunakan dana daripada CASA/CASA-i atau HLB Meezani Account-i	10	30	1,830
Lakukan pembayaran DuitNow Cross-Border QR kepada peniaga luar negara Min. RM50 bagi setiap pembayaran melalui HLB Connect App dengan menggunakan dana CASA/CASA-i atau HLB Meezani Account-i	8	24	1,464
Meletakkan eDeposit Tetap/-i (**“eFD/eFD-I**”) melalui HLB Connect	100	200	12,200
Tukar MYR ke mata wang asing Min. RM200 bagi setiap pertukaran menggunakan HLB Pay&Save Account/-i atau HLB Wallet Account/-i Multi Currency Feature melalui HLB Connect.	20	40	2,440
Menghubungkan HLB/HLB Islamic CASA/CASA-i dengan Akaun Semasa HLB Singapore atau Akaun Simpanan menggunakan LINKS melalui HLB Connect.	200	200	200

HALAMAN POINTS TRACKER

7. Pelanggan yang Layak yang berjaya melaksanakan sebarang Aktiviti yang Layak di dalam Jadual 1A dan/atau Transaksi yang Layak seperti yang disenaraikan di dalam Jadual 1B di atas ketika Tempoh Promosi boleh melihat Connect Points mereka di Halaman Points Tracker. Halaman Points Tracker boleh diakses dengan log masuk ke HLB Connect Online atau HLB Connect App dan klik pada banner Points Tracker di HLB Connect App dan butang Points Tracker di HLB Connect Online.

8. Transaksi yang tidak berjaya atau tidak lengkap (contohnya tamat masa sistem) di mana Pelanggan yang Layak melakukan Aktiviti yang Layak dan Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual1A dan Jadual 1B atas tetapi tidak melengkapkan transaksi, tidak layak menerima sebarang Connect Points.

9. Untuk Transaksi yang Layak di mana status transaksi tidak tersedia serta-merta, Connect Points akan ditambah pada hari Transaksi yang Layak yang dilakukan setelah Transaksi yang Layak telah berjaya dilaksanakan.

10. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan pada Connect Points, Connect Points yang dikira oleh pihak Bank selepas tamatnya Promosi ini akan dianggap tepat dan muktamad.

PEMILIHAN PEMENANG

11. Pelanggan yang Layak akan layak untuk mendapatkan satu penyertaan ("**Penyertaan**") untuk disenarai pendek ke dalam cabutan hadiah ("**Cabutan Hadiah**") berdasarkan Connect Points yang terkumpul dan akan berpeluang dipilih sebagai pemenang Hadiah.

Table 2A: Cabutan Hadiah

Hadiah	Jumlah Mata Connect yang diperlukan untuk satu (1) Penyertaan di dalam Cabutan Hadiah	Jumlah pemenang yang akan dipilih melalui Cabutan
Hadiah Utama: Baucar Percutian bernilai RM20,000, yang boleh ditebus untuk perjalanan bagi dua (2) orang ke Santorini, Greece	8,000	1
Hadiah Kedua: Baucar Percutian bernilai RM10,000 yang boleh ditebus untuk perjalanan bagi dua (2) orang ke Chengdu, China	5,000	2
Hadiah Ketiga: Kad Hadiah Machines yang bernilai RM5,000	3,000	4

12. Lebih banyak Connect Points yang dikumpulkan oleh Pelanggan yang Layak seperti yang dinyatakan di Jadual 1A dan Jadual 1B, lebih banyak Penyertaan yang akan diperoleh oleh Pelanggan yang Layak dan lebih berpeluang untuk dicabut sebagai Pemenang Hadiah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 2A di atas.

13. Connect Points **tidak akan ditolak** apabila Penyertaan diperoleh. Jumlah Connect Points terkumpul daripada Pelanggan yang Layak akan digunakan untuk mengira jumlah Penyertaan mereka bagi setiap Cabutan Hadiah secara serentak. Walau bagaimanapun, Pelanggan yang Layak hanya berhak memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Promosi dan akan dikecualikan daripada cabutan seterusnya setelah dipilih sebagai Pemenang.

14. Untuk tujuan ilustrasi, sila lihat **Senario 1** di bawah:

Senario 1

- Pelanggan yang Layak melakukan Aktiviti yang Layak dan Transaksi yang Layak berikut ketika Tempoh Promosi.
- Jadual di bawah menunjukkan jumlah Connect Points dan Penyertaan yang diperoleh ketika Tempoh Promosi.

Senario 1	
Transaksi yang Layak yang dipenuhi	**Jumlah Mata Connect yang diperoleh**
Pelanggan yang Layak yang merupakan Pelanggan yang Dirujuk telah berjaya membuka akaun eCASA/eCASA-I Layak pada 3 Oktober 2026 dan mengekalkan baki sebanyak RM10,000 pada 31 Oktober 2026.	10,000
Berjaya merujuk rakan dan ahli keluarga untuk membuka akaun eCASA/eCASA-i Layak sebanyak 5 kali berasingan.	1,000
Berjaya melakukan 10 Pembayaran Bil dalam tempoh 7 hari berasingan.	200
Melakukan 3 transaksi Pindahan Luar Negara.	60
Melakukan 5 Tambah Nilai Prabayar dalam tempoh 3 hari berasingan.	50
Melakukan pindahan DuitNow ke Akaun sebanyak 12 kali berasingan.	60
Jumlah Mata Connect yang Diperoleh	**11,370**

Cabutan Hadiah	**Jumlah Mata Connect yang Diperlukan untuk Memperoleh Satu (1) Penyertaan dalam Cabutan Hadiah**	**Jumlah Penyertaan yang Diperoleh bagi Kategori Hadiah Ini**
Hadiah Utama	8,000	1
Hadiah Kedua	5,000	2
Hadiah Ketiga	3,000	3

Dalam senario di atas, Pelanggan yang Layak akan memperoleh satu (1) Penyertaan dalam cabutan Hadiah Utama, dua (2) Penyertaan dalam cabutan Hadiah Kedua dan tiga (3) Penyertaan dalam cabutan Hadiah Ketiga..

15. Pada akhir Tempoh Promosi, sistem Bank akan memberikan nombor siri unik kepada setiap Penyertaan yang diperoleh oleh Pelanggan yang Layak. Nombor siri unik tersebut akan digunakan untuk Cabutan Hadiah.

16. Setiap cabutan bagi Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga akan dijalankan berdasarkan nombor siri unik yang telah diberikan untuk memilih pemenang yang disenarai pendek ("**Pemenang Disenarai Pendek**"). Bank akan menghantar e-mel dan/atau notifikasi tolak melalui Aplikasi HLB Connect ("**Notifikasi Aplikasi**") untuk memaklumkan Pemenang Disenarai Pendek bahawa mereka telah disenarai pendek dan Bank akan menghubungi mereka melalui panggilan telefon untuk menjawab satu (1) soalan.

17. Bank akan membuat **maksimum tiga (3) percubaan** panggilan untuk menghubungi **maksimum sepuluh (10) Pemenang Disenarai Pendek** menggunakan nombor telefon bimbit terkini Pemenang Disenarai Pendek yang direkodkan dalam sistem Bank. Percubaan panggilan akan dibuat **antara jam 9:00 pagi hingga 6:00 petang dalam tempoh dua (2) hari berkerja**. Pemenang Disenarai Pendek yang menjawab soalan dengan betul akan dipilih sebagai pemenang bagi Hadiah berkenaan. Sekiranya tiada seorang pun daripada sepuluh (10) Pemenang Disenarai Pendek memberikan maklum balas kepada Bank dan/atau memenuhi syarat untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah selewat lewatnya pada **15 Januari 2027**, tiada Pemenang Hadiah akan diumumkan bagi kategori Hadiah berkenaan dan Hadiah tersebut tidak akan diberikan.

18. Sekiranya Pemenang Disenarai Pendek gagal menjawab panggilan, tidak memberikan jawapan yang betul atau tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan panggilan atas apa jua sebab, Bank akan menghubungi Pemenang Disenarai Pendek yang seterusnya. Setelah seorang pemenang dipilih bagi sesuatu Hadiah, pemenang tersebut ("**Pemenang Hadiah**") dan mana-mana Pemenang Disenarai Pendek terdahulu yang gagal menjawab percubaan panggilan akan hilang kelayakan dan dikecualikan daripada menyertai Cabutan Hadiah seterusnya bagi kategori Hadiah yang masih berbaki.

19. Setelah selesai proses pemilihan pemenang bagi Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga, semua Pelanggan yang Layak yang masih berbaki akan disusun mengikut jumlah Connect Points yang diperoleh sepanjang Tempoh Promosi seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2B. Lima ratus (500) Pelanggan yang Layak teratas yang mengumpul jumlah Mata Connect tertinggi pada tarikh paling awal akan dipilih secara automatik sebagai Pemenang Hadiah Saguhati.

Jadual 2B: Hadiah Saguhati

Kategori Hadiah	Syarat & Pemilihan Pemenang	Bilangan Pemenang
Hadiah Tunai bernilai RM100 ("**Hadiah Saguhati**")	• Lima ratus (500) Pelanggan yang Layak yang masih berbaki dengan jumlah Mata Connect tertinggi akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Saguhati ("**Pemenang Hadiah Saguhati**").	500

20. Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak memenangi satu (1) Hadiah sama ada Hadiah Utama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga atau Hadiah Saguhati sepanjang Tempoh Promosi.

PENGUMUMAN PEMENANG & PEMBERIAN HADIAH

21. Senarai Pemenang akan disiarkan di http://www.hlb.com.my/connectescape ("**Laman Web Promosi**") dan akan dimaklumkan oleh pihak Bank melalui melalui pemberitahuan tolak HLB Connect App ("**Pemberitahuan Aplikasi**"), **selewat-lewatnya pada 1 Februari 2027.**

22. Pemenang Hadiah dan Pemenang Hadiah Saguhati bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyemak Laman Web Promosi bagi mengesahkan status kemenangan mereka. Selain itu, Pemenang Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga dikehendaki menjawab panggilan telefon daripada Bank, menjawab satu (1) soalan dengan betul dan/atau memberikan maklum balas kepada Notifikasi Aplikasi atau e-mel yang dihantar oleh Bank untuk menuntut Hadiah mereka.

23. Hadiah Saguhati akan dikreditkan ke dalam akaun CASA/CASA-i atau Akaun HLB Meezani-i milik Pemenang Hadiah Saguhati yang dikekalkan dengan Bank **selewat lewatnya pada 28 Februari 2027**. Sehubungan itu, Pemenang Hadiah Saguhati hendaklah mempunyai akaun CASA/CASA-i atau Akaun HLB Meezani-i yang aktif dan sah **sehingga 28 Februari 2027**, jika gagal, Hadiah Saguhati tersebut akan dibatalkan.

24. Terma dan Syarat untuk Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Kedua ("**Baucar Percutian**") yang dikeluarkan oleh **Holiday Tours & Travel Sdn Bhd (197501001345 (23070-H))** ("**Holiday Tours & Travel**") adalah seperti berikut:
    (i) Pemenang Baucar Percutian ("**Pemenang Baucar Percutian**") akan menerima Baucar Percutian selewat-lewatnys pada **28 Februari 2027**.
    (ii) Adalah menjadi tanggungjawab bagi Pemenang Baucar Percutian untuk membuat tuntutan, tempahan dan/atau pengaturan bagi servis berkaitan percutian daripada Holiday Tours & Travel. Untuk sebarang keraguan, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan/atau yuran yang berkaitan dengannya, dan sebarang kos dan/atau yuran berkenaan dengannya akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang dan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Holiday Tours & Travel:

(a) Baucar Percutian boleh digunakan untuk menebus tiket penerbangan, penginapan hotel, pengangkutan lapangan terbang atau apa apa perkhidmatan perjalanan yang disediakan oleh Holiday Tours & Travel. Baucar Percutian tidak boleh dikembalikan, tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai;

(b) Pemenang Baucar Percutian hendaklah menebus Baucar Percutian dengan Holiday Tours & Travel sahaja dan Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang bayaran balik kepada Pemenang Baucar Percutian berhubung dengan apa apa kos yang ditanggung akibat daripada penebusan Baucar Percutian menurut Klausa 24(ii)(c);

(c) Baucar Percutian hanya boleh ditebus SATU (1) KALI sahaja. Penebusan secara berulang dan/atau berkala tidak dibenarkan;

(d) Sebarang perkhidmatan perjalanan atau perbelanjaan sampingan berkaitan perjalanan yang melebihi nilai Baucar Percutian hendaklah ditanggung oleh Pemenang Baucar Percutian semasa penebusan. Sekiranya nilai penebusan adalah kurang daripada nilai Baucar Percutian, tiada bayaran balik akan diberikan;

(e) Baucar Percutian tidak sah untuk penebusan semasa Pameran Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA) atau sepanjang mana mana tempoh promosi lain;

(f) Pemenang Baucar Percutian hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan diri mereka (NRIC/Pasport) dan Baucar Percutian asal semasa membuat penebusan dengan Holiday Tours & Travel;

(g) Baucar Percutian adalah tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk penerbangan, penginapan hotel dan urusan darat seperti yang ditentukan oleh Holiday Tours & Travel pada masa penebusan. Sebarang kos tambahan yang ditanggung akibat ketidaktersediaan atau sekiranya jumlah kos perkhidmatan yang dipilih melebihi nilai Baucar Percutian hendaklah ditanggung oleh Pemenang Baucar Percutian dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos dan/atau bayaran yang berkaitan dengannya;

(h) Baucar Percutian sah untuk digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada Baucar Percutian masing masing. Sekiranya Baucar Percutian tidak digunakan selepas tarikh sah laku, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk melanjutkan tempoh sah laku atau menggantikan Baucar Percutian tersebut.

Selain itu, Bank tidak akan memberikan sebarang bayaran balik atau pembayaran balik bagi bahagian Baucar Percutian yang tidak digunakan sekiranya Pemenang Baucar Percutian gagal menggunakan sepenuhnya Baucar Percutian tersebut;

(i) Melainkan dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam Terma & Syarat ini, Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan semua dokumen perjalanan, permit, visa (jika berkenaan) yang diperlukan serta membuat segala urusan yang diperlukan bagi membolehkan Pemenang melakukan perjalanan ke destinasi mereka.

25. Terma dan syarat bagi **Hadiah Ketiga** ("**Kad Hadiah**") **yang dikeluarkan oleh Machines Sdn Bhd [200601025413 (745167-M)]** ("**Machines**") adalah seperti berikut:

(a) Pemenang Kad Hadiah ("**Pemenang Kad Hadiah**") akan dihubungi oleh pembekal yang dilantik oleh Bank (contohnya, vendor hadiah atau syarikat kurier) untuk mengatur penghantaran atau pengambilan Kad Hadiah (contohnya, pengambilan sendiri di syarikat kurier sekiranya tiada sesiapa berada di alamat penghantaran anda);

Sekiranya Pemenang Kad Hadiah tidak dapat dihubungi oleh pembekal atau memilih untuk mengambil sendiri Kad Hadiah tetapi gagal mengambilnya **selewat-lewatnya pada 28 Februari 2027**, Kad Hadiah tersebut akan dilucutkan dan selepas itu Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang Kad Hadiah untuk menuntut Kad Hadiah tersebut;

(b) Kad Hadiah hanya boleh ditebus untuk pembelian produk fizikal, tidak termasuk pembelian kad hadiah lain, dan boleh digunakan di semua kedai fizikal Machines di Malaysia;

(c) Setiap Kad Hadiah hanya boleh digunakan dalam satu (1) transaksi. Sebarang baki yang tidak digunakan semasa penebusan akan dilucutkan;

(d) Mata keahlian Machines+ tidak terpakai dan tidak akan diberikan bagi pembelian yang dibuat menggunakan Kad Hadiah;

(e) Kad Hadiah sah sehingga tarikh luput yang dinyatakan pada Kad Hadiah. Bank atau Machines tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang gagal menebus atau menggunakan sepenuhnya Kad Hadiah dalam tempoh sah laku yang ditetapkan;

(f) Kad Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak tidak akan diganti, dikembalikan nilainya atau diaktifkan semula oleh Bank atau Machines; dan

(g) Machines berhak untuk meminda terma dan syarat Kad Hadiah mengikut budi bicara mutlaknya tanpa notis terlebih dahulu. Pemenang hendaklah berurusan secara terus dengan Machines untuk sebarang pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berkaitan dengan Kad Hadiah tanpa merujuk kepada Bank.

26. Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk menghubungi Bank **sebelum 5 Mac 2027** jika Hadiah tidak diterima. Sekiranya mereka gagal, Pemenang Hadiah dianggap telah menerima Hadiah dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik **selepas 5 Mac 2027** tidak akan diproses, melainkan bagi kesilapan nyata.

27. Semua Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan model atau warna yang lain, wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.

28. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah) dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak. Para Pemenang Hadiah hendaklah berurusan secara terus dengan pembuat/vendor bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan Hadiah tanpa mendapatkan bantuan dari Bank. Semua risiko, kehilangan, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkait dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

29. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.

30. Pihak Bank berhak untuk menggantikan Hadiah Utama, Kedua dan/atau Ketiga dengan mana-mana item atau pulangan tunai lain yang mempunyai nilai setara mengikut budi bicara pihak Bank dengan notis terlebih dahulu.

31. Semua Hadiah akan disediakan secara "Seperti Seadanya". Hadiah yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah.

AM

32. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
    (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;
    (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan;
    (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan yang Layak;
    (iv) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon dan alamat rumah/tempat kerja kepada syarikat kurier yang dilantik oleh Bank bagi pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah-hadiah untuk Promosi ini, dan mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS atau e-mel bagi Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
    (v) bersetuju untuk bertanggungjawab memberikan kepada Bank butiran hubungan yang sah dan terkini, termasuk nombor telefon bimbit, alamat e-mel dan alamat rumah/tempat kerja, serta memaklumkan Bank dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan. Kecuali bagi kerugian yang timbul secara langsung akibat keingkaran sengaja dan kecuaian melampau oleh Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak disebabkan oleh butiran yang tidak tepat yang diberikan. Bank juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan penghantaran SMS, e-mel atau Hadiah yang disebabkan oleh keadaan di luar kawalan munasabah Bank;
    (vi) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) para Pemenang bagi tujuan pengumuman Pemenang tanpa

bayaran untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;

(vii) bersetuju untuk menyemak Laman Web Promosi dengan kerap untuk melihat T&S kepada Promosi dan untuk terus mengikuti perubahan atau variasi kepada T&S;

(viii) bersetuju bahawa sebarang pemberitahuan aplikasi, SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan telefon mudah alih/penyedia perkhidmatan rangkaian internet yang berkenaan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan apa pun sekiranya berlaku seperti:

(a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau;

(b) sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak.

(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").

Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelambatan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS dan/atau e-mel dari Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Rayuan bagi kelewatan atau kegagalan sedemikian tidak akan diproses;

(ix) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan

(x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.

33. Pihak Bank berhak:

(i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan melalui Laman Web Promosi;

(ii) membatalkan Hadiah yang diperoleh sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan

(iii) untuk menarik balik Hadiah sekiranya terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.

34. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.

35. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.

36. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

37. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Produk-produk CASA/CASA-I dan eFD/eFD-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit (**rujuk Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM**).

Produk CASA-i dan eFD-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Akaun HLB Meezani-i tidak dilindungi oleh PIDM

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.